



Headline: 'Whoscall' mampu kesan scammer
Publication/Portal: Kosmo
Date: 5 January 2023

Language: Malay
Section: Negeri
Page: 9



MOHD. KAMARUDIN (depan, tiga dari kiri) bergambar bersama selebriti dan pempengaruh media sosial selepas Majlis Pelancaran Lagu Anti-Scam di Maktab PDRM, Kuala Lumpur semalam. – FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

Muat turun aplikasi khas elak jadi mangsa penipuan

'Whoscall' mampu kesan scammer

Oleh MARLIA ZAKARIA

KUALA LUMPUR – Orang ramai disaran supaya memuat turun aplikasi 'Whoscall' yang telah ditambah baik bagi mengelakkan diri menjadi mangsa penipuan sindiket scammer, sekali gus melindungi daripada panggilan palsu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd. Kamarudin Md Din berkata, menerusi aplikasi itu, pengguna boleh mengenal pasti panggilan telefon yang dibuat penipu atau scammer.

"Aplikasi percuma ini wujud sejak 2018 dan telah ditambah baik apabila nombor-nombor yang pernah digunakan oleh scammer yang ada dalam data Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan terpapar di skrin telefon bimbit dengan nota *verified scammer*."

"Selepas tiga bulan perbincangan, kita setuju beri kebenaran

**AWAS
SCAM**



kepada pihak Whoscall untuk akses data tersebut, jadi kalau dah muncul *verified scammer*, saya sarankan, matikan sahaja panggilan sebab scammer sentiasa ubah taktik.

"Mereka ini bijak mempengaruhi emosi mangsa. Kita rasa kita dah cukup kuat, tetapi taktik mereka yang pelbagai, tak mustahil boleh terjat," katanya selepas Majlis Pelancaran Lagu Anti-Scam dan kerjasama dengan Whoscall anjuran JSJK di Maktab PDRM di sini semalam.

Sementara itu, Mohd. Kamarudin memberitahu, statistik kes

jenayah komersial telah menunjukkan penurunan di antara Januari hingga Disember 2022 dengan catatan 30,536 kes berbanding 31,490 kes bagi tempoh sama tahun 2021.

Katanya, kes penipuan dalam talian juga mencatatkan penurunan apabila sebanyak 20,041 kes dilaporkan bagi tempoh Januari hingga Disember 2022 berbanding 20,701 kes sepanjang tahun 2021.

"Rekod ini adalah bukti kejayaan siri kempen berterusan yang dijalankan. PDRM berjanji untuk terus mendidik dan menyalurkan informasi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang jenayah komersial khususnya jenayah scam."

"Kesesinambungan kempen itu, JSJK dengan kerjasama 'Whoscall' semalam melancarkan sebuah lagu berjudul *Be Smart Stay Alert* untuk terus memberi kesedaran kepada masyarakat dari menjadi mangsa scammer," ujarnya.